

*Artikel Penyelidikan*

# Ketika Budaya Bertaut: Jejak tradisi adat perkahwinan Orang Asli Semai Batu Berangkai, Kampar Perak.

Norfatin Nabiha Roslan<sup>1</sup>, Nurul Izzati Ayazi<sup>2</sup>, Abdul Rahman Ahmad<sup>3\*</sup> dan Jafalizan Md Jali<sup>4\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022780427@student.uitm.edu.my](mailto:2022780427@student.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022900605@student.uitm.edu.my](mailto:2022900605@student.uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [arahman@uitm.edu.my](mailto:arahman@uitm.edu.my);  0000-0001-6245-1980

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: arahman@uitm.edu.my; +60133524247.

**Abstrak:** Kajian ini membahas permasalahan terkait dengan pemeliharaan dan pemuliharaan adat perkahwinan Orang Asli, khususnya kaum Semai, melalui pendekatan sejarah lisan. Globalisasi dan pemodenan dianggap sebagai halangan besar dalam menjaga warisan budaya ini. Kajian ini melibatkan perbandingan budaya dan tradisi perkahwinan Orang Asli dengan fokus pada perbandingan antara kaum Semai dan Melayu. Temubual dengan masyarakat Orang Asli, terutamanya Tok Setin dan Tok Penghulu, memberikan pemahaman mendalam tentang pelaksanaan adat perkahwinan mereka. Objektif kajian adalah untuk memahami adat perkahwinan Orang Asli secara mendalam, mendedahkan kehidupan dan persekitaran mereka kepada masyarakat, serta memahami perbezaan dalam perkahwinan Orang Asli dengan masyarakat Melayu. Persoalan kajian merangkumi bagaimana adat perkahwinan dijalankan, persekitaran kehidupan Orang Asli, dan faktor yang menyebabkan perbezaan dalam perkahwinan mereka dengan masyarakat Melayu. Kajian ini memberikan penekanan kepada pemeliharaan warisan budaya melalui dokumentasi sejarah lisan. Pendedahan kepada masyarakat tentang adat perkahwinan Orang Asli diharapkan dapat meningkatkan penghargaan terhadap keunikan budaya mereka. Kajian ini juga mencari jawapan terhadap persoalan kepentingan dan sumbangsih kajian terhadap pemahaman warisan budaya dan pengenalan kepada masyarakat luar tentang keunikan Orang Asli. Hasil kajian menunjukkan beberapa aspek unik dalam adat perkahwinan Orang Asli, termasuk pengelasan istilah empat penjurur, keperluan tidur di rumah keluarga bakal pasangan, peranan bapa saudara sebagai wali dan proses perkahwinan pasangan berlainan kaum. Kajian ini memberikan sumbangsih kepada pemahaman mendalam tentang adat perkahwinan Orang Asli, terutamanya kaum Semai, dan memberi gambaran yang sahih dan berdasas mengenai keunikan budaya mereka. Pendedahan ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap warisan budaya Orang Asli di kalangan masyarakat umum.

Kata kunci: Orang Asli, Adat Perkahwinan, Kaum Semai, Melayu, Budaya

---

DOI: 10.5281/zenodo.10910160

---



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Orang asli juga tersenarai sebagai penyumbang kepelbagaiannya warisan serta budaya di Malaysia. Orang asli, atau juga dikenali sebagai suku Orang Asli terkenal dengan budaya, bahasa dan tradisi mereka yang unik merupakan satu komuniti etnik asli Malaysia yang telah menetap di kawasan tersebut

beribu-ribu tahun lamanya. Disamping itu, orang asli merupakan kelompok etnik yang penting dalam sejarah warisan, budaya serta kepelbagaian Malaysia. Adalah penting sebagai seorang yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia memberikan tumpuan kepada etnik orang asli di Tanah Melayu kerana mereka adalah penjaga budaya orang asli, pengetahuan mereka yang luas tentang alam sekitar dan khazanah tidak ternilai yang terdapat di tanah air Malaysia. Lain daripada itu, adalah penting untuk kita fahami berkaitan dengan masyarakat orang asli yang telah menjadi penjaga alam semula jadi serta khazanah di Malaysia sejak beribu-beribu tahun lagi. Hal ini demikian kerana, orang asli hidup dalam satu kelompok yang mempunyai pemburu, nelayan dan petani yang hidup dalam keadaan yang harmoni dengan alam semula jadi. Oleh itu, pengetahuan mereka berkenaan dengan teknik pertanian, ubat-ubatan melalui tumbuhan, serta kemahiran memburu mereka merupakan warisan khazanah yang tidak ternilai yang diturunkan dari generasi ke generasi. Seterusnya, orang asli juga terkenal dengan warisan budaya dan seni. Mereka dikenali dengan seni tarian, ukiran kayu serta muzik.

Orang asli telah wujud beribu-ribu tahun lamanya. Namun begitu, bilakah kedatangan orang asli ke tanah melayu? Sejarah orang asli mempunyai asal-usul yang sangat lama dan kuno. Oleh itu, mereka ialah salah satu daripada yang terawal yang menetap di semenanjung dan kawasan pendalamannya yang lain di Malaysia. Sejarah awal kedatangan peribumi orang asli di Malaysia boleh dilihat dari pelbagai sudut antaranya melalui kajian arkeologi, pembangunan budaya, kedatangan kumpulan lain, pengaruh Islam, penjajahan serta perjuangan dan pengiktirafan. Melalui kajian arkeologi, bukti arkeologi menunjukkan bahawa orang asli telah menetap di tanah Melayu sejak beribu tahun dahulu. Penemuan arkeologi, seperti alat batu dan lukisan gua prasejarah, membuktikan kehadiran manusia di rantau ini sejak Zaman Batu. Malahan, evolusi atau perkembangan budaya bermaksud bahawa orang asli di Malaysia adalah sekelompok yang sangat pelbagai dan merangkumi pelbagai jenis etnik dan jenis suku-suku kaum yang berbeza. Hal ini termasuk suku kaum seperti Orang Asli Semai dan Orang Asli Temuan dimana mereka hidup dengan memburu, menggembala dan memancing serta mempunyai warisan budaya dan sistem kepercayaan tradisional mereka yang tersendiri. Di samping itu, terdapat juga kemunculan kumpulan-kumpulan lain, sejak berabad-abad, banyak kumpulan etnik dan budaya yang berbeza seperti Melayu, Cina, India dan Eropah datang ke Malaysia dan hidup bersama dengan orang asli. Ini termasuk pemerintahan kerajaan Melayu kuno dan pengaruh Hindu-Buddha. Selain itu, pengaruh Islam turut memberi kesan kepada kedatangan orang asli ke tanah Melayu. Sememangnya pada abad ke-14, Islam telah diperkenalkan ke Malaysia oleh pedagang dan penjelajah Islam. Walaupun Islam telah menjadi agama yang dominan di Malaysia, ramai orang asli masih mengekalkan kepercayaan animisme dan kepercayaan tradisional mereka.

Orang Asli, sebuah komuniti orang asli di Malaysia, terkenal dengan kekayaan budayanya. Oleh kerana bahasa, budaya dan kepercayaan mereka yang unik, beberapa kumpulan Orang Asli di Malaysia boleh dikenal pasti dalam konteks ini iaitu terdapat tiga jenis kumpulan utama yang merangkumi jenis-jenis kaum orang asli yang terdapat di Malaysia. Kumpulan-kumpulan ini termasuk Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Menurut maklumat yang diperoleh melalui laman web rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), kumpulan Negrito merangkumi kaum seperti Kensiu, Kintak, Jahai, Mendriq dan Lanoh Bateq. Manakala bagi kumpulan Senoi terdiri dibahagikan kepada enam kaum iaitu Temiar, Semai, Jah Hut, Che Wong, Semoq Beri dan Mahmeri. Kumpulan terakhir iaitu Melayu Proto terdiri daripada kaum Temuan, Jakun, Semelai, Kanaq, Kuala serta Seletar. Kumpulan-kumpulan utama yang disebutkan seperti kumpulan Kaum orang asli Negrito tinggal di kawasan yang berdekatan dengan Banjaran Titiwangsa yang berpusat dan boleh dikatakan kebanyakannya mereka tinggal di sebelah utara semenanjung. Bagi kumpulan Senoi pula, mereka banyak menetap di lereng Titiwangsa iaitu di pedalaman di negeri seperti Perak, Pahang dan Kelantan. Kumpulan terakhir iaitu Melayu Proto pula pada awalnya mereka menetap di kawasan pantai, lembah atau kuala. Namun kini, mereka banyak menetap di kawasan perkampungan mereka sendiri. Orang asli di Tanah Melayu, Malaysia adalah

kelompok etnik yang berharga dan unik yang mana ia memainkan peranan penting dalam menjaga kepelbagaiannya sumber semula jadi dan budaya di Malaysia. Orang asli juga dikatakan menjadi penjaga

warisan dan budaya orang asli yang harus kita hormati dan dihargai. Hal ini demikian kerana ia adalah salah satu usaha mahupun cara untuk melindungi serta mengekalkan hak budaya dan warisan mereka sebagai satu pelaburan masa depan Malaysia supaya lebih kaya dan lebih mampan. Hasil tinjauan literatur yang diperoleh daripada artikel “Kenali Kami Masyarakat Orang Asli di Malaysia”, mengambil petikan daripada artikel tersebut yang mana menurut (Jismin Idris, 2002) dalam penulisan beliau merujuk kepada maklumat yang diperoleh, masyarakat Melayu tersebar di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang yang mana masyarakat Orang Asli dikelaskan mengikut beberapa kriteria, termasuk bahasa, budaya, gaya hidup, dan ciri fizikal (Ramlee Abdullah, 1993). Terdapat banyak penyelidik mengklasifikasikan mereka kepada tiga kumpulan utama: Negrito, Senoi, dan Proto-Melayu. Tambahan pula, menurut tinjauan literatur yang diperoleh secara dalam talian yang ditulis oleh (Mohd Mizan Mohammad Aslam & Shuhairimi Abdullah, 2004) serta maklumat yang diperoleh daripada laman sesawang Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), orang asli kaum Semai berasal dari kelompok senoi yang terbentuk dari suku Hoabinhian dan Neolitik. Tambahan pula, mereka banyak menetap di seluruh wilayah Banjaran Titiwangsa yang terletak di Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Menurut bancian 1993, populasi orang asli semai meningkat lebih 42,000. Hal ini menjadikan mereka merupakan suku kaum orang asli terbesar di Malaysia.

Kajian ini bertujuan untuk mendalaminya pemahaman yang meluas serta memperoleh pengetahuan berkenaan dengan adat perkahwinan orang asli. Oleh hal yang demikian, melalui konteks adat dan warisan budaya ini, terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi menimbulkan persoalan bagi penyelidik untuk mendalaminya dengan lebih tentang amalan adat perkahwinan orang asli ini. Antara cabaran utama dalam amalan adat perkahwinan bagi orang asli ialah peredaran arus permodenan iaitu pengaruh globalisasi dan teknologi yang memberikan kesan terhadap perubahan nilai-nilai amalan serta tradisi yang diamalkan mereka bertahun-tahun lamanya daripada nenek moyang mereka.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Socio kehidupan serta budaya orang asli di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai suku dan kepelbagaiannya cara mengandungi maklumat yang penting dan bernilai. Namun, kajian yang dibuat adalah sedikit berbanding dengan kandungan yang belum di terokai. Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan yang telah dikenalpasti berkaitan dengan mendalaminya ilmu pengetahuan berkenaan dengan adat perkahwinan Orang Asli ini. Antara permasalahan yang menjadi batasan atas kajian sejarah lisan bagi mempelajari adat Orang Asli khususnya perkahwinan mereka adalah seperti memelihara dan mengekalkan cerita tradisional yang mana pemuliharaan dan pemeliharaan tradisi lisan merujuk kepada usaha untuk melindungi dan mengekalkan cerita tradisional, pengetahuan, dan amalan budaya yang diturunkan melalui perkataan lisan dan bukannya rekod bertulis. Pemuliharaan dan pemeliharaan tradisi lisan orang asli merupakan cabaran besar akibat daripada pemodenan dan globalisasi. Tambahan pula, permasalahan kajian ini juga melibatkan membandingkan budaya orang asli dan tradisi perkahwinan mereka melalui kajian sejarah lisan. Pendekatan pengetahuan ini adalah untuk mengenal pasti sebarang persamaan atau perbezaan ketara dalam tradisi ini merentas suku kaum yang berbeza. Perkara itu juga sedikit sebanyak mendorong kepada permasalahan kajian terhadap adat perkahwinan bagi orang asli terutamanya kaum semai. Segala permasalahan itu diselesaikan dengan sesi temubual yang dijalankan bagi menimba pengalaman dengan melakukan kajian secara terus bersama masyarakat Orang Asli.

Pemeliharaan dan pemuliharaan adat warisan tradisi menjadi tunjang utama dalam permasalahan kajian. Buktinya, pengaruh globalisasi dan pemodenan dikatakan menjadi tembok besar

yang boleh mengancam tradisi sesuatu fahaman. Kajian ini berfokuskan perbandingan budaya dan adat perkahwinan yang berbeza mengikut sesuatu kaum juga menimbulkan persoalan terhadap penyelidik seperti "Apakah perbezaan atau persamaan diantara perkahwinan orang asli semai dengan kaum melayu?" Hal ini memberikan pendekatan ini diperlukan bagi mendapatkan pengetahuan yang mendalam tentang keunikan adat perkahwinan orang asli dan menghormati kepelbagaiannya budaya di kalangan komuniti yang berbeza. Sesi temubual yang dijalankan di perkampungan orang asli semai di Batu Berangkai, Kampar Perak dengan masyarakat orang asli merupakan salah satu pendekatan yang relevan bagi mendapatkan sumber maklumat yang sah serta ilmu pengetahuan yang luas serta mendalam dan memberikan pengalaman langsung berkaitan dengan adat resam perkahwinan yang diamalkan mereka. Dengan merangkumkan hujah-hujah ini, dapat disimpulkan bahawa kajian yang lebih mendalam tentang adat perkahwinan orang asli, terutama kaum Semai, adalah penting untuk memahami, memelihara, dan menghormati kekayaan budaya dan tradisi mereka dalam menghadapi cabaran pemodenan dan globalisasi. Sumber-sumber kajian, seperti kajian sejarah lisan dan se temubual dengan masyarakat Orang Asli, menjadi bukti keperluan untuk menjalankan kajian tersebut dengan tekun dan berdedikasi.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif sangat penting dalam sesebuah kajian begitu juga dengan kajian yang dijalankan berkenaan dengan adat perkahwinan orang asli Semai di Batu Berangkai, Kampar Perak. Hal ini kerana objektif memainkan peranan utama dalam membimbing penyelidik bagi mencapai matlamat kajian secara sistematik dan teratur. Berikut adalah beberapa objektif penting kajian untuk mencapai konteks ini:

- i. Untuk mempelajari adat-adat di dalam pengurusan majlis perkahwinan kaum orang asli Semai.
- ii. Untuk merekodkan maklumat penting berkaitan dengan cara kehidupan dan persekitaran orang asli.
- iii. Untuk memahami keistimewaan dan kelainan perkahwinan bagi kaum orang asli berbanding masyarakat melayu.

### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian merujuk kepada pertanyaan-pertanyaan yang dirumuskan untuk memberi bimbingan kepada penyelidikan dan mengarahkan usaha kajian. Tambahan pula, persoalan kajian berkenaan dengan adat perkahwinan orang asli semai merangkumi beberapa aspek utama iaitu orang asli semai, persekitaran serta masyarakat. Berikut adalah beberapa contoh persoalan kajian berkait rapat dengan objektif kajian:

- i. Apakah adat-adat di dalam menguruskan acara perkahwinan orang asli Semai?
- ii. Bagaimanakah persekitaran kehidupan Orang Asli dan bagaimana cara kehidupannya?
- iii. Apakah yang menyebabkan perkahwinan Orang Asli itu berbeza dengan masyarakat Melayu?

### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Adat perkahwinan merupakan aspek penting dalam budaya sosial. Hal ini kerana ia lebih daripada sekadar peristiwa dan juga termasuk satu set tradisi, kepercayaan dan nilai yang penting untuk identiti komuniti. Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang adat perkahwinan Semai melalui tradisi lisan memainkan peranan yang penting dalam pelbagai aspek, termasuk untuk masyarakat amnya, penduduk setempat sendiri, malah pihak berkuasa dan kerajaan seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Pertama sekali, memahami adat perkahwinan Semai melalui tradisi lisan adalah penting bagi masyarakat amnya kerana ia membolehkan kita memahami kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Tradisi perkahwinan menggabungkan nilai tentang cinta, pengorbanan, keluarga dan keharmonian. Mempelajari adat perkahwinan Semai membolehkan masyarakat luar memahami dan menghayati tradisi yang sebelum ini tidak dikenali atau tidak diketahui oleh mereka. Ini membantu menggalakkan toleransi dan kesedaran tentang kepelbagaian budaya dan mengukuhkan hubungan antara masyarakat luar dan orang asli. menimba pengetahuan.

Perkara kedua ialah orang asli mesti menyampaikan adat perkahwinan mereka melalui komunikasi lisan. Ia menyumbang kepada pemuliharaan ciri-ciri budaya dan tradisi nenek moyang. Bagi Orang Asli, perkahwinan bukan sekadar acara tetapi juga aspek asas identiti dan komuniti mereka. Bagi Orang Asli, perkahwinan bukan sekadar acara tetapi juga aspek asas identiti dan komuniti mereka. Pemeliharaan dan penerusan amalan ini memastikan budaya mereka kekal berterusan merentas generasi. Pemahaman yang lebih baik tentang adat perkahwinan membolehkan mereka berasa bangga dengan warisan budaya mereka, yang membantu mengukuhkan identiti peribumi mereka.

Ketiga, pemahaman yang lebih mendalam tentang adat perkahwinan Semai melalui tradisi lisan adalah penting bagi pihak berkuasa dan kerajaan seperti JHEOA untuk membangunkan dasar yang lebih baik untuk memperjuangkan hak orang asli. Ini termasuk hak untuk memelihara dan mengamalkan adat dan budaya seseorang, bebas daripada campur tangan dan campur tangan luar. Pemahaman yang lebih baik tentang adat perkahwinan membolehkan pihak berkuasa merancang program pembangunan yang mengambil kira keperluan budaya dan tradisi masyarakat orang asli. Selain itu, pemeliharaan warisan budaya boleh disokong dan disokong oleh pihak berkuasa kepada masyarakat orang asli melalui sumber.

Kesimpulannya, adalah penting bagi masyarakat amnya, masyarakat setempat sendiri, dan pihak berkuasa seperti JHEOA memahami adat perkahwinan Semai melalui tradisi lisan. Menerima dan mengiktiraf kepelbagaian budaya, memelihara identiti budaya orang asli dan memperjuangkan dasar yang lebih baik untuk melindungi hak mereka adalah semua faedah. Sehubungan itu, percubaan untuk mendapatkan pengetahuan dan pemahaman tentang adat perkahwinan Semai melalui tradisi lisan merupakan langkah penting dalam mempromosikan kepelbagaian budaya dan mengekalkan budaya peribumi Malaysia.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Tiada kajian lain yang spesifik berkenaan dengan adat perkahwinan orang asli kaum semai di Batu Berangkai, Kampar, Perak. Oleh itu, sangat penting bagi mengkaji tajuk adat perkahwinan orang asli kaum semai di Batu Berangkai, Kampar, Perak ini untuk dijadikan rujukan pada penyelidik. Walaubagaimanapun, masih terdapat tinjauan kajian-kajian berkenaan dengan adat perkahwinan orang asli kaum Semai di penempatan lain di Perak. Menurut penulisan artikel oleh Mohd Firdaus Nordin dan Zanisah Man (2023) berkenaan dengan perbicaraan mengikut undang-undang adat dalam perkahwinan komuniti orang asli Semai di Pos Bersih, Perak. Masyarakat orang asli Semai mempunyai institusi sosial yang dikenali sebagai Majlis Adat, yang terdiri daripada pemimpin seperti Batin, Setin, Tandil, Halak, dan ahli jawatankuasa. Kajian ini meneroka peranan dan fungsi pemimpin ini dalam mengekalkan kepatuhan masyarakat terhadap undang-undang adat. Nilai dan norma masyarakat Semai memainkan peranan penting dalam membimbing kehidupan sehari-hari pasangan suami isteri di Kampung Pos Bersih. Kajian mengkategorikan perbincangan adat dalam masyarakat Semai kepada beberapa aspek, antaranya peranan pemimpin adat, nilai dan norma, kesalahan, perbincangan di peringkat pusaka, perbincangan di peringkat Setin, dan perbincangan di peringkat Batin. Peranan pemimpin adat, seperti Batin, adalah penting dalam memastikan pematuhan masyarakat terhadap undang-undang adat yang telah

ditetapkan. Artikel ini mengupas lebih lanjut proses pengendalian kesalahan dalam komuniti Semai, dengan tumpuan pada kaedah penyelesaian konflik tidak formal seperti "bicara". Kesalahan berkaitan perkahwinan dibincangkan, termasuk isu-isu seperti perselisihan faham, tidak bertanggungjawab, hubungan pra-nikah, perselingkuhan, dan kehamilan di luar perkahwinan. Kajian ini mendedahkan bahawa komuniti Semai bergantung pada sistem hierarki untuk penyelesaian konflik, yang melibatkan waris, Setin, dan Batin. Batin memegang kuasa tertinggi dalam menyelesaikan isu yang rumit dan boleh mengenakan denda atau perceraian sebagai hukuman. Artikel tersebut menekankan kepentingan nilai dalam memperkuuh keberkesanan undang-undang adat, mewujudkan rasa keadilan, dan mengekalkan keharmonian sosial. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati bahawa, pengantin lelaki juga dikehendaki untuk membayar wang adat kepada waris mas serta bayaran wang adat kepada Batin kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Seterusnya, pembayaran wang adat ini dijadikan sebagai simbolik yang mengikut pasangan suami isteri untuk mematuhi nasihat serta peraturan yang ditetapkan oleh pihak waris selain kebertanggungjawaban pihak waris untuk memastikan rumah tangga pasangan tersebut dalam keadaan aman dan harmoni. Justeru itu, pihak waris ini memainkan peranan yang sangat penting dan mereka berperanan untuk menegur dan memberi nasihat kepada anak saudara mereka dalam hal ehwal rumah tangga untuk memastikan rumah tangga yang dibina kekal utuh tanpa sebarang masalah. Pihak waris merupakan tingkat paling bawah sekali. Oleh itu, waris juga mempunyai hak untuk menasihati pasangan terbabit dengan isu atau masalah rumah tangga untuk berdamai dan bertanggungjawab untuk membantu pasangan suami isteri yang berhadapan dengan masalah rumah tangga. Oleh hal yang demikian, semasa adat berhukum berlangsung, waris ini juga pelu dibayar duit adat oleh pasangan pengantin. Hal ini kerana pembayaran wang oleh pasangan pengantin kepada pihak waris mereka ini menunjukkan simboliknya mengikat mereka untuk mematuhi nasihat daripada pihak waris selain kebertanggungjawaban pihak waris untuk memastikan keharmonian rumah tangga pasangan pengantin terbabit. Jika waris tidak dapat menyelesaikan masalah pasangan, permasalahan tersebut akan dibawa ke tahap Setin. Setin akan memanggil pasangan terbabit untuk mendengar permasalahan mereka dan mencari punca serta menyelesaikan masalah tersebut. Walaupun Setin memiliki kuasa adat untuk mengendalikan dan memberi hukuman kepada pesalah, beliau biasanya merujuk perkara tersebut kepada Batin untuk pengesahan. Jika Setin menemui kesalahan, hukuman denda akan dikenakan, RM60 bagi kesalahan pertama, dan meningkat kepada RM600 bagi kesalahan seterusnya atau yang lebih besar. Sekiranya waris dan Setin tidak dapat menyelesaikan masalah pasangan, permasalahan tersebut dibawa ke Batin untuk perbicaraan, tahap tertinggi dan terakhir. Perbicaraan biasanya diadakan di rumah pihak perempuan. Kehadiran beberapa orang penting diperlukan, termasuk Batin kedua-dua belah pihak, suami, isteri, waris, Setin, dan Tandil kedua-dua belah pihak. Dalam perbicaraan, waris menceritakan masalah, dan Stin mengendalikan perbicaraan. Batin hanya mendengar perbicaraan dan kemudian mengangkatnya kepada Batin untuk proses seterusnya. Setelah perbicaraan selesai, Batin berbincang mengenai dapatan, bertanya kepada pasangan, dan memberikan keputusan. Pihak bersalah biasanya dihukum denda RM6000 dan pasangan diarahkan untuk bercerai. Hukuman yang berat ini dilaksanakan atas kesalahan yang berulang atau kesalahan besar, dengan nilai dan norma masyarakat menjadi asas bagi tindakan ini. Meskipun hukuman bersifat adat, pesalah menerima hukuman ini mengikut nilai dan norma yang dipegang oleh komuniti, menjadikan hukuman adat ini relevan dalam masyarakat.

Menurut kajian di Lembah Jelai, Pahang. Menurut Mohd. Rasdi Saamah dan Abu Hassan Abdul (2014) berkenaan dengan konsep dan bentuk metrologi dalam peribahasa suku kaum Semai di Lembah Jelai, Pahang membuktikan bahawa orang asli semai sangat mementingkan perkahwinan dalam komuniti mereka. Hal ini disebabkan oleh mereka berpegang teguh kepada peribahasa "*Nuuq musim bak*" yang bermaksud semusim padi. Peribahasa ini digunakan untuk menunjukkan tempoh masa yang berlaku atas sesuatu perkara khususnya bagi peristiwa penting yang misalnya perkahwinan, kematian,

kehilangan dan sebagainya. Di samping itu, komuniti masyarakat orang asli kaum semai ini menggunakan tempoh nuuq musim bak ini dengan cara mengambil kira tempoh penanaman padi bukit mereka yang diusahakan kira-kira setahun bagi setiap musim.

Adat perkahwinan orang asli juga dikatakan berbeza-beza mengikut kaum. Menurut Nur Faaizah Md Adam dan Mod Sharifudin Yusop (2020) berkenaan dengan Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang, upacara perkahwinan yang dijalankan oleh Orang Asli kaum Jahut adalah mengikut amalan adat yang diwarisi dari nenek moyang mereka untuk menjaga keharmonian masyarakat supaya terjaga. Menurut mereka lagi, pasangan yang akan berkahwin mestilah tidak mempunyai tali persaudaraan seperti perhubungan antara adik beradik, sepupu, dua pupu, anak saudara, emak saudara, anak tiri, bapa tiri, menantu, tunang orang dan isteri orang. Ibu bapa pasangan yang akan berkahwin akan memberikan kepercayaan kepada anak-anak mereka untuk mencari pasangan sendiri dan upacara merisik dilakukan untuk berjumpa dengan ibu bapa pihak perempuan. Bagi adat bertunang pula, mengikut orang Jahut proses atau urusan bertunang ini akan diserahkan kepada wali iaitu bapa saudara lelaki bagi pihak lelaki. Mereka akan membawa rombongan bagi mewakili pihak lelaki ke rumah pihak perempuan yang mana bapa saudara kepada pihak perempuan juga menjadi wali. Jika mereka saling setuju, cincin emas yang diberikan oleh bakal pengantin lelaki yang berkemampuan diberikan kepada bakal pengantin Perempuan. Cincin emas ini juga dijadikan sebagai tanda mereka akan membuat majlis perkahwinan atau kenduri secara besar besaran yang sekurang-kurangnya seekor lembu atau kerbau. Bagi cincin perak pula, ia menunjukkan bakal pengantin lelaki tersebut kurang berkemampuan dan akan melakukan majlis perkahwinan secara sederhana sahaja. Lebih-lebih lagi, jika kedua-dua pihak tidak mempunyai wali, mereka diperlukan untuk membeli wali dengan memberikan sebiji pinggan berserta wang sebanyak dua ringgit kepada seseorang yang dipilih menjadi wali untuk majlis pertunangan pengantin lelaki atau perempuan. Setelah selesai dengan adat pertunangan, untuk majlis perkahwinan pula biasanya akan berlangsung pada waktu malam di rumah pengantin perempuan. Upacara makan beradab adalah sangat penting dalam adat perkahwinan orang asli kaum Jahut di mana pengantin lelaki akan diiringi oleh pengapit dan akan berhadapan dengan pengantin perempuan. Pengantin lelaki akan menuap pengantin perempuan dan perkara ini juga akan turut dilakukan oleh pengantin perempuan kepada pengantin lelaki. Upacara berbalas suapan ini menjadi bukti perkahwinan itu telah sah.

Bagi orang asli kaum Jakun pula, menurut kajian oleh Mohamad Rozi Kasim (2021) tentang penulisan beliau berkenaan etnografi komunikasi orang asli Jakun, adat perkahwinan mereka ini dikatakan hampir sama dengan adat perkahwinan orang Melayu. Adat perkahwinan kaum Jakun ini dimulakan dengan upacara merisik, menghantar cincin, bertunang, dulang hantaran, mas kahwin dan duit hantaran yang diwajibkan kepada pihak lelaki untuk diberikan kepada pihak perempuan. Selain itu, pihak perempuan terutamanya ahli keluarga akan menginap di rumah pengantin perempuan seminggu lebih awal sebelum hari pernikahan. Tok batin dan wali pengantin seperti ayah dan bapa saudara akan menikahkan kedua-dua pasangan pengantin. Setelah upacara perkahwinan selesai, terdapat acara joget lambak bertujuan untuk meraikan pasangan pengantin tersebut.

Adat perkahwinan orang asli Kanaq menunjukkan, pihak calon pengantin lelaki lazimnya memberi hantaran kacang hijau kepada calon pengantin perempuan sebelum majlis perkahwinan untuk memudahkan acara dan mendapat keturunan yang ramai. Setelah menganut Islam, budaya ini berkurangan, dan Ustaz Ramadhan dari Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi membantu dalam urusan perkahwinan, termasuk proses pengislaman bagi pasangan campuran. Pejabat agama membantu sepenuhnya dalam majlis perkahwinan dan memotivasi orang asli Kanaq untuk berkahwin dengan orang luar agar dapat berhijrah ke kehidupan yang lebih baik. Orang asli Kanaq yang menganut Islam mengikuti kursus pra perkahwinan, dan bagi yang memiliki masalah seperti kehamilan sebelum nikah,

pengecualian kursus dapat dimohon. Sebahagian dari mereka mungkin tidak mampu membayar yuran kursus sebanyak RM120, tetapi mas kahwin wajib disediakan sendiri sebanyak RM22.50. Ustaz Ramadhan menjadi jurunikah dan menguruskan urusan perkahwinan, memahami kehidupan orang asli Kanaq dan mengambil pendekatan beransur-ansur dalam menerapkan ajaran Islam, mempertimbangkan kelemahan iman mereka. Orang asli Kanaq yang menikah sebelum masuk Islam hanya perlu mendaftarkan perkahwinan mereka tanpa perlu melafazkan ijab kabul lagi. Ustaz Ramadhan memberikan penerangan tentang masalah rumahtangga, perceraian, dan kematian, menjelaskan bahwa perceraian jarang terjadi dalam kalangan orang asli Kanaq, yang terkenal dengan sifat setia. Mereka cenderung tidak berpoligami, dan jika suami meninggal, jarang menikah lagi, atau jika menikah, dengan orang asli lain. (Norhafizah Ahmad, et al., 2022).

### **Cabaran dalam mengekalkan adat resam perkahwinan orang asli**

Untuk mengekalkan adat perkahwinan orang asli semai, nampaknya ia bukan suatu perkara yang mudah kerana ia melibatkan pelbagai halangan yang timbul daripada perubahan sosial, ekonomi, dan budaya. Justeru itu, salah satu tembok halangan atau utama adalah arus pemodenan dan globalisasi, yang Berjaya membawa pengaruh dari budaya luar dan kehidupan yang moden. Hal ini menyebabkan kelestarian nilai-nilai tradisional adat perkahwinan semai terancam. Kesan daripada pengaruh arus pemodenan dan teknologi memberikan impak tekanan yang kuat terhadap amalan adat perkahwinan. Hal ini disebabkan oleh masyarakat yang sangat mudah terdedah kepada anasir-anasir nilai luar yang mungkin mempengaruhi amalan tradisi telah diwarisi secara turun-temurun. Kesan daripada pemodenan ini juga boleh memberikan kesan perubahan dalam pandangan terhadap peranan sesuatu individu tidak mengira jantina, poligami, dan aspek-aspek lain dalam adat perkahwinan.

Cabaran dalam mengekalkan adat perkahwinan orang asli yang kedua pula melibatkan kehilangan nilai tradisional yang merupakan asas adat perkahwinan orang asli terutama sekali bagi kaum semai. Adat perkahwinan sangat berkait rapat dengan nilai-nilai keagaaman sesebuah kaum dan kehilangan kepercayaan boleh meruntuhkan struktur sosial dalam komuniti dan kepercayaan dalam sesebuah kaum. Oleh hal yang demikian, pengaruh agama dan juga tekanan sosial dari masyarakat luar memberikan impak yang sangat besar terhadap amalan tradisi yang diturunkan. Boleh dikatakan dengan cara penyebaran agama-agama baru kepada masyarakat mereka dan nilai-nilai sosial yang berbeza boleh mengubah pandangan mereka berkenaan dengan adat perkahwinan orang asli. Bukan itu Sahaja, dengan penyebaran agama-agama yang baru yang mungkin memberikan kesan perubahan terhadap adat resam yang diturunkan, membuatkan masyarakat akan tertekan untuk menyesuaikan diri mereka dengan perkara-perkara baharu yang mungkin jauh berbeza dan bertentangan dengan adat resam perkahwinan tradisional yang akan menimbulkan ketegangan dan kebingungan dalam masyarakat mereka.

### **Strategi untuk mengekalkan adat resam perkahwinan orang asli**

Mengekalkan sesuatu adat warisan dan budaya bukanlah perkara yang mudah kerana ia melibatkan banyak perkara yang perlu dititik beratkan. Oleh itu, dalam usaha memartabatkan adat resam perkahwinan orang asli, pelbagai langkah perlu diambil kira untuk memastikan keberkesanannya dan identiti terhadap tradisi tersebut. Pertama sekali, pendekatan secara bersepadu melibatkan komuniti orang asli sebagai fokus utama dalam pelaksanaan strategi. Pendekatan ini boleh dilakukan dengan membentuk jawatankuasa yang melibatkan komuniti orang asli itu sendiri yang terlibat secara langsung dalam pemeliharaan dan penyampaian adat perkahwinan dapat memastikan keaslian maklumat yang diberikan serta relevansi adat tradisi seiring dengan situasi semasa.

Selain daripada itu, penekanan kepada pendidikan dan kesedaran masyarakat perlu diberikan penekanan. Oleh itu, sangat penting untuk menganjurkan program-program pendidikan dan

kesedaran yang menyentuh serba sedikit berkenaan dengan aspek-aspek adat perkahwinan seperti peranannya dalam identiti budaya, nilai-nilai yang terkandung, dan kepentingan untuk mengekalkan adat tersebut boleh meningkatkan kesedaran, memberikan pengetahuan serta pandangan mereka dan kecintaan terhadap warisan budaya. Institusi pendidikan seperti sekolah, pusat komuniti setempat, dan aktiviti kemasyarakatan dapat menjadi asas rujukan yang berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada generasi muda untuk memahami serta menghargai adat resam perkahwinan. Bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Begitu juga dengan memupuk nilai-nilai ilmu pengetahuan yang berkesan perlulah dipupuk sejak dari kecil.

Usaha yang terakhir dalam memartabatkan adat resam perkahwinan orang asli ialah kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat memperkuatkan usaha memartabatkan adat perkahwinan orang asli. Badan Kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) perlu bekerjasama dengan agensi-agensi bukan kerajaan dengan cara mewujudkan kerangka kerja undang-undang atau dasar yang memberikan pengiktirafan dan perlindungan terhadap adat perkahwinan orang asli bagi menyokong projek-projek pemuliharaan warisan budaya dengan berkesan. Justeru itu, kolaborasi ini dapat memastikan penyelarasan antara kepentingan masyarakat dan matlamat Kerajaan. Hal ini juga menyumbang kepada kelestarian adat perkahwinan orang asli sebagai warisan budaya yang bernilai.

Tinjauan literatur merupakan penulisan yang kritikal dan analitikal tentang penulisan ilmiah yang telah diterbitkan oleh sarjana dan penyelidik tentang topik yang dikaji. Tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca apakah hujah-hujah yang telah digunakan dalam merangka penyelidikan serta membincangkan kekuatan dan kelemahan kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk dan skop kajian ini.

Tinjauan literatur perlu berkisar kepada soalan kajian yang dibentuk. Bahagian ini bukan setakat menyenaraikan bahan-bahan yang diperoleh atau satu himpunan rumusan kajian terdahulu semata-mata. Sebaliknya penyelidik perlu menghasilkan rumusan tentang penyelidikan yang telah diketahui (kajian lepas) atau tidak diketahui dan seterusnya membentuk soalan-soalan kajian yang memerlukan penyelidikan selanjutnya. Hasil tinjauan literatur ini boleh digunakan untuk membantu membentuk soalan temubual.

## 6. METODOLOGI

Pendekatan kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui dua perkara utama seperti temubual secara lisan serta perdokumentasian dokumen melalui maklumat yang diberikan oleh individu atau tokoh yang dipilih. Temubual yang dilakukan adalah secara bersemuka iaitu melibatkan tokoh atau individu yang dipilih penyelidik. Aktiviti interaksi itu akan merangkumi persoalan-persoalan yang akan disenaraikan oleh penyelidik serta mungkin bakal melibatkan beberapa aktiviti demonstrasi, pameran atau peragaan daripada tokoh yang ditemu-bual. Terdapat beberapa persoalan yang akan diberikan kepada tokoh yang dipilih dan ianya merangkumi seperti latar belakang tokoh, serta segala maklumat berkaitan adat resam perkahwinan yang terdiri daripada kaum tokoh itu sendiri. Masa dan tempat temubual dijalankan ialah pada 10:00 pagi yang bertempat di Perkampungan Orang Asli Batu Berangkai, Kampar Perak ditentukan oleh jabatan yang dikhaskan untuk berurusan dengan tokoh iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli. Oleh itu, bagi menjayakan kajian ini terdapat beberapa maklumat yang sahih dan tepat berkaitan dengan tajuk yang dipilih sebagai sokongan serta informasi tambahan.

Nama tokoh yang dipilih untuk menjalankan kajian berkenaan adat perkahwinan orang asli semai ini ialah Encik Yun A/L Derus atau lebih dikenali sebagai Bahyun yang berumur 68 tahun. Beliau merupakan suku kaum Semai dan sekarang menetap di perkampungan orang asli di Batu Berangkai Kampar, Perak. Seterusnya, beliau pernah bekerja di sektor Kementerian Kesihatan iaitu hospital di

Raub, Pahang dan beliau juga ada melibatkan diri dalam Pasukan Gerakan Am (PGA) tetapi dihalang oleh ibunya. Sekarang beliau memegang jawatan Tok Setin yang merupakan Ketua Adat di perkampungan orang asli semai Batu Berangkai tersebut. Oleh itu, beliau mempunyai banyak

pengalaman serta pengetahuan dalam mengendalikan perkahwinan bagi suku kaum semai. Tambahan pula, berpeluang untuk menemu-ramah cucu beliau iaitu Encik Yusri A/L Badaruddin yang juga merupakan Tok Penghulu (Ketua Kampung) di perkampungan orang asli semai di Batu Berangkai Kampar, Perak. Kedua-dua tokoh ini dipilih melalui hasil tinjauan yang dilakukan di sekitar kawasan Kampar, Perak dan mendapat beberapa cadangan daripada penduduk sekitar bagi menjalankan sesi temubual bersama Tok Setin dan juga Tok Penghulu di perkampungan orang asli tersebut.

Bagi menjayakan kajian ini, pelbagai prosedur dilaksanakan bagi mengumpul dan mendapatkan semula data maklumat. Prosedur pertama ialah mengenal pasti dahulu topik yang berkaitan dengan topik yang disampaikan oleh pensyarah iaitu "Warisan dan Budaya". Justeru itu, "Adat Perkahwinan Orang Asli Semai" dipilih sebagai fokus utama dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, didapati bahawa topik yang dipilih sangat sepadan dengan konteks "Warisan dan Budaya". Oleh itu, sebagai penyelidik, topik ini dirunding dengan tenaga pengajar professional iaitu pensyarah bagi mendapat kelulusan untuk topik ini. Didapati bahawa topik "Adat Perkahwinan Orang Asli Semai" sangat sesuai untuk dokumentasi kerana maklumat yang diperolehi sangat terhad. Kajian mengenai adat resam perkahwinan orang asli semai merupakan suatu proses yang memerlukan pendekatan sistematik dan terperinci. Dalam usaha untuk mengumpul data yang tepat dan kaya, pelbagai langkah-langkah boleh diambil, termasuk merujuk kepada literatur ilmiah, sumber tempatan, laman web rasmi, arkib digital serta melakukan temubual wawancara.

Langkah seterusnya dalam prosedur pengumpulan data adalah merujuk kepada Literatur Ilmiah. Sumber-sumber seperti jurnal akademik, tesis, dan artikel ilmiah yang fokus pada adat resam perkahwinan orang asli semai ini dirujuk supaya dapat memberikan landasan yang kukuh untuk kajian. Oleh itu, kami banyak merujuk kepada pangkalan data akademik seperti Google Scholar, Online Findings Aid (OFA) dan Google boleh digunakan untuk mencari penelitian-penelitian terkini yang telah dilakukan oleh ahli professional kajian dalam konteks orang asli kaum semai. Langkah seterusnya adalah mendapatkan bahan di perpustakaan, tempat di mana koleksi buku dan sumber rujukan boleh diakses secara percuma. Di sini, buku-buku ilmiah, tesis, dan disertasi yang berkaitan dengan kehidupan orang asli semai dan adat resam perkahwinan mereka dapat dicari. Perpustakaan juga memberikan akses kepada sumber-sumber yang mungkin tidak dapat ditemui secara dalam talian. Lebih-lebih lagi, laman web rasmi agensi atau organisasi yang terlibat dalam penelitian mengenai kehidupan orang Asli di Malaysia, seperti Arkib Negara Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) boleh menjadi sumber informasi yang penting. Informasi rasmi dan dokumen yang disediakan oleh laman web ini dapat memberikan gambaran yang lebih terkini dan dikemaskini mengenai adat resam perkahwinan orang asli semai.

Temubual wawancara adalah langkah terakhir dalam prosedur ini. Ia melibatkan diri secara langsung dengan masyarakat semai melalui wawancara dengan orang asli semai atau ahli masyarakat yang memahami adat resam perkahwinan mereka dapat memberikan wawasan dan perspektif yang lebih mendalam. Temubual wawancara dilaksanakan secara bersemuka ataupun secara fizikal bersama Tok Penghulu (Ketua Kampung) serta Tok Setin (Ketua Adat) juga memungkinkan peneliti melihat secara langsung pelaksanaan adat resam perkahwinan dalam konteks komuniti Semai.

## 7. HASIL KAJIAN

Penulisan ini menggambarkan hasil kajian yang dilakukan mengenai tajuk perkahwinan di

kalangan orang asli kaum Semai di Perak, dengan fokus utama pada dua kaedah penyelidikan utama: temubual secara lisan dan perdokumentasian dokumen. Melalui pendekatan temubual, kami merenung pandangan, pengalaman, dan serta bagaimana adat itu dilaksanakan mengenai perkahwinan, yang diperoleh secara langsung daripada individu-individu dalam komuniti tersebut. Sementara itu, perdokumentasian dokumen dilakukan dengan merakamkan maklumat yang diberikan oleh individu atau tokoh yang dipilih melalui sumber tertulis atau rekod yang relevan. Gabungan dua kaedah ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang komprehensif dan mendalam tentang praktik perkahwinan dalam masyarakat orang asli kaum Semai di Perak. Melalui temubual yang telah dijalankan, terdapat beberapa dapatan utama yang ingin diketengahkan di dalam adat perkahwinan kaum tersebut dan bagaimana mereka boleh melaksanakan mengikut adat resam yang ditetapkan.

### **Pengkelaskan istilah empat penjuru dalam memulakan perkahwinan**

Permulaan perkahwinan bagi kaum Semai di Kampung Batu Berangkai Kampar, Perak mengikut kepada empat penjuru tersebut dalam melaksanakan perkahwinan mereka. Empat penjuru itu terdiri daripada Hangus, Tubuh, Langkah Bendul dan Tok Batin/Adat Negeri. Pengelasan empat penjuru ini merujuk kepada permulaan sebelum mereka memulakan perkahwinan dimana setiap penjuru tersebut mempunyai fungsian dan bayaran yang berbeza sebelum berkahwin. Penjuru pertama, Hangus merujuk kepada Hangus merupakan salah satu simbolik yang merujuk kepada permulaan kehidupan yang baharu kepada pasangan yang bakal berkahwin. Ianya mempunyai bayaran yang telah ditetapkan dan perlu dibayar daripada pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Bayaran tersebut telah ditetapkan dan ianya mempunyai jumlah yang sama bagi semua orang di dalam perkampungan tersebut. Jumlah bayarannya adalah sebanyak RM25.00. Bagi penjuru kedua iaitu tubuh, ianya berkaitan dengan beberapa aspek, yang melibatkan harga bagi seseorang perempuan yang diletakkan kepada pihak lelaki semasa upacara perkahwinan. Contohnya, mas kahwin. Bagi langkah bendul pula, ia merujuk kepada bayaran ataupun ‘hantaran’ yang yang berhak diberikan kepada kakak pihak perempuan sekiranya adiknya melaksanakan perkahwinan terlebih dahulu. Fungsinya adalah untuk memastikan proses kelancaran bagi melaksanakan perkahwinan tersebut. Penjuru terakhir pula adalah Adat Negeri/Tok Batin iaitu memainkan peranan penting dalam memberikan nasihat, bimbingan, dan persetujuan terhadap proses perkahwinan. Beliau bertanggungjawab untuk memastikan bahawa adat dan norma-norma masyarakat diikuti dengan betul. Tujuannya adalah untuk memastikan keabsahan dan kesahihan perkahwinan dari segi adat dan tradisi. Keberadaannya memberi legitimasi kepada proses perkahwinan dan memastikan kelancaran keseluruhan acara. Pasangan pengantin perlu menyediakan jumlah bayaran tertentu kepada individu yang bertanggungjawab di dalam proses ini.

### **Keperluan tidur di rumah keluarga bakal pasangan selama tiga hari sebelum berkahwin**

Keperluan bagi pasangan yang bakal berkahwin untuk menghabiskan tiga hari di rumah pasangan sebelum ikatan perkahwinan mereka diakui secara rasmi. Prosesnya adalah dimana bakal pengantin lelaki perlu pergi menginap ke rumah pasangannya yang ingin berkahwin selama tiga hari dan pada hari ketiga tersebut, bakal pengantin lelaki itu akan ditangkap dan disoal oleh wali bakal pengantin perempuan tersebut. Wali pihak perempuan tersebut akan menyoal dengan soalan tujuan kedatangan beliau ke rumah tersebut meskipun sudah mengetahui keinginan mereka adalah ingin berkahwin. Melalui tempoh tiga hari tersebut, ia merupakan masa di mana calon pengantin dapat saling mengenal pasti dan memahami peranan masing-masing dalam perspektif kehidupan sehari-hari. Keintiman dan persefahaman yang dibina sepanjang tiga hari ini dianggap penting untuk membentuk landasan yang kukuh bagi perhubungan perkahwinan yang akan dijalani. Selain itu, selama tempoh tersebut, pasangan akan menjalani pelbagai aktiviti bersama yang bertujuan membentuk ikatan emosi dan sosial di antara mereka. Walaupun amalan ini dianggap sebagai satu tradisi yang unik, ia turut menjadi titik fokus kajian untuk memahami bagaimana nilai-nilai kebersamaan, komunikasi, dan persetujuan dihayati oleh individu dalam komuniti ini. Selain itu, pemahaman mengenai proses tiga hari ini juga akan menggali lebih mendalam mengenai struktur sosial dan nilai-nilai yang dijunjung tinggi

oleh orang asli kaum Semai dalam mempersiapkan individu untuk memasuki alam perkahwinan.

### **Penetapan denda sekiranya tidak mengikut adat dengan cara yang betul**

Proses denda dalam masyarakat orang asli kaum Semai berfungsi sebagai satu mekanisme kawalan sosial yang bertujuan untuk menjamin pelaksanaan perkahwinan mengikut adat resam yang dipegang teguh. Penerapan denda ini melibatkan beberapa langkah dan proses yang diiktiraf oleh masyarakat setempat. Pertama, penetapan denda biasanya bermula dengan peringatan atau notis kepada individu atau pasangan yang dianggap tidak mematuhi adat resam perkahwinan. Pemberian notis ini dapat berlaku melalui perbualan komuniti, pertemuan adat, atau menerusi perantaraan tokoh adat atau pemimpin masyarakat. Setelah notis diberikan, proses seterusnya mungkin melibatkan perundingan atau mediasi di antara kedua belah pihak yang terlibat dan tokoh adat. Perbincangan ini boleh membincangkan sebab-sebab ketidakpatuhan terhadap adat, dan cara-cara untuk memulihkan atau membetulkan kesalahan yang telah berlaku. Denda yang ditetapkan kemudiannya boleh melibatkan sejumlah hantaran atau sumbangan kewangan kepada komuniti atau keluarga yang terkesan. Nilai denda ini mungkin bergantung kepada kesalahan yang dilakukan, taraf sosioekonomi individu atau keluarga, dan pandangan masyarakat terhadap kepentingan menjaga keaslian adat perkahwinan. Keseluruhan proses denda ini bukan hanya berfungsi sebagai hukuman, tetapi juga sebagai cara untuk membetulkan dan menyelaraskan kembali individu atau pasangan yang melanggar adat resam. Dengan menjaga integriti adat perkahwinan melalui proses denda ini, masyarakat orang asli kaum Semai percaya bahawa nilai-nilai dan tradisi mereka dapat dikekalkan dan diteruskan dari generasi ke generasi. Notis yang diberikan itu akan dihantar di dalam bentuk sebuah barang iaitu Songkok yang berbalut dengan kain dan ianya juga sebagai petanda bahawa seseorang itu telah dikenakan denda dan notis melalui kesalahan yang dilakukan.

### **Bapa saudara sebagai wali**

Penetapan wali bagi kaum Semai adalah terdiri daripada kalangan bapa saudara atau pakcik bakal pengantin. Bapa saudara merupakan individu yang mempunyai pangkat tertinggi yang membolehkan mereka menjadi wali di dalam sesbuah perkahwinan. Ianya secara langsung menunjukkan bahawa bapa kepada pengantin secara langsung tidak mempunyai hak dalam perbincangan perkahwinan anak-anaknya. Segala perbincangan dan persoalan akan ditanya serta dijawab oleh bapa saudara pasangan pengantin dalam menentukan kata putus bagi perkahwinannya. Tambahan pula, darjah bapa saudara yang tinggi itu juga boleh menangkap dan menyuruh anak buahnya untuk berkahwin sekiranya mereka ditangkap berdua-duaan meskipun tidak mempunyai niat untuk bersama dan berkahwin.

### **Bagaimana proses perkahwinan berlainan kaum etnik dilaksanakan**

Proses perkahwinan berlainan etnik ini merupakan aspek utama yang sering dipersoal dan ditanya oleh mana-mana masyarakat luar asli. Hal ini kerana kita sering terfikir adakah ianya dibolehkan dan bagaimana perlaksanaan proses tersebut. Proses tersebut akan dilaksanakan mengikut bakal pengantin wanita kerana ianya akan menjadi penentu bagaimana perkahwinan itu dilaksanakan. Sekiranya pasangan pengantin yang berlainan kaum ingin berkahwin, mereka perlu melakukan perkahwinan mengikut kaum pengantin perempuan. Sebagai contoh sekiranya bakal pengantin berbangsa Semai, manakala bakal pengantin perempuan berbangsa Temuan, mereka perlu melaksanakan perkahwinan mengikut kaum Temuan tersebut. Hal ini demikian kerana ianya sudah pun ditetapkan sejak dahulu kala. Pihak lelaki tidak mempunyai hak untuk melaksanakan perkahwinan mengikut kaumnya sendiri sekiranya memilih pasangan berlainan kaum. Majlis perkahwinan juga akan dilakukan di Kampung pihak perempuan dan itu sahaja pilihan yang perlu diikut. Ini adalah keunikan baru yang diketahui oleh masyarakat luar kerana kita jarang didedahkan dengan maklumat dan pendedahan yang seperti ini selain berjumpha dan bertanyakan sendiri kepada mereka. Perkara ini

berlaku oleh satu faktor utama seperti jurang penempatan yang ketara dimana menyukarkan masyarakat luar untuk mendalami budaya dan adat resam kaum orang asli itu sendiri.

## 8. KESIMPULAN

Akhirulkalam, berdasarkan literatur yang diperoleh serta maklumat-maklumat tambahan yang lain, terdapat beberapa aspek penting yang dapat dirumuskan yang menjurus kepada keunikan dan ciri-ciri adat perkahwinan orang asli semai terutamanya di perkampungan orang asli di Batu Berangkai, Kampar Perak. Pertama sekali, adat perkahwinan atau yang disebut adat resam ini suatu amalan atau perbuatan yang memainkan peranan penting terutamanya dalam menjaga identiti dan warisan budaya yang boleh dikenalkan orang asli semai dalam komuniti mereka. Oleh itu, sebarang ritual yang dijalankan mahupun tradisi yang diturunkan secara berperingkat dari generasi ke generasi secara lisan, perbuatan dan amalan tersebut memberikan gambaran terhadap keharmonian hubungan mereka yang merujuk kepada sesuatu kaum dengan alam sekitar. Dapat dibuktikan melalui kajian ini bahawa, sumbangan utama dalam kajian ini adalah untuk memberikan pengetahuan serta pemahaman yang jelas berkenaan tentang latar belakang budaya dan nilai-nilai kerohanian yang menjadi tunjang kepada amalan perkahwinan orang asli terutamanya kaum semai. Bahan rujukan yang sahih dari sumber-sumber ilmiah seperti, penelitian melalui artikel, dan pengdokumentasian kehidupan komuniti serta masyarakat orang asli semai yang tinggal di kawasan Batu Berangkai, Kampar, Perak, memberikan pendapat yang holistik dan mendalam. Justeru itu, perbandingan dapat dibuat melalui kajian literatur mengenai adat perkahwinan orang asli yang berbeza-beza pendapat serta pandangan dari kawasan lain dapat mengukuhkan lagi pengetahuan yang luas berkenaan dengan kepelbagaiannya warisan dan budaya di kalangan Masyarakat mahupun komuniti orang asli di Malaysia. Persamaan antara topik utama dalam literatur yang diperoleh dengan adat perkahwinan orang asli semai menunjukkan adat perkahwinan ini bukan hanya sekadar satu perayaan, tetapi merupakan asas yang membentuk identiti Masyarakat mereka tersendiri. Pengetahuan yang mendalam serta pemahaman yang meluas berkenaan adat perkahwinan sangat penting sebagai salah satu cara atau usaha untuk memelihara warisan kebudayaan dan ciri-ciri tradisional orang asli semai di tengah-tengah tekanan arus kemodenan yang saban hari saban berubah mengikut arus peradaran zaman. Secara keseluruhan yang dapat dirumuskan, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam memberikan gambaran keunikan adat perkahwinan orang asli semai terutamanya di Batu Berangkai, Kampar, Perak. Hal ini demikian kerana kajian ini merangkumkan aspek-aspek utama dan hasil dapatan kajian dengan menjalankan temubual serta bantuan daripada literatur sedia ada. Malah, kajian ini tidak hanya menjadi sumber rujukan ilmiah kepada para penyelidik yang akan dating tetapi ia juga dapat memberikan satu jalan dalam usaha pemeliharaan dan penghormatan seseorang individu terhadap warisan budaya yang kaya dan unik dalam komuniti masyarakat orang asli semai kelak.

**Penghargaan:** Bismillahirrahmanirrahim, segala puji-pujian terhadap Allah SWT, dengan penuh rasa syukur dan penghormatan, kami ingin menyatakan penghargaan yang tidak terhingga kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa, yang telah memberikan petunjuk, kekuatan, dan ilham untuk menyelesaikan kajian sejarah lisan ini. Kepada Encik Bahyun A/L Derus dan Encik Yusri A/L Badaruddin, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama, pengetahuan, dan keterlibatan mereka dalam menyediakan maklumat yang berharga berkenaan adat resam perkahwinan orang asli kaum Semai di perkampungan orang asli Batu Berangkai, Perak. Sumbangan mereka bukan hanya sebagai informan, tetapi juga sebagai penjaga warisan budaya yang telah menjadikan kajian ini lebih kaya dan bermakna. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Jafalizan bin Md. Jali, pensyarah yang amat berdedikasi, atas tunjuk ajar, bimbingan, dan sokongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Ilmu yang beliau kongsikan telah memberikan pencerahan dan memperluaskan perspektif dalam mengenal pasti serta memahami aspek sejarah lisan. Kepada keluarga kami yang sentiasa memberikan sokongan moral dan semangat, terima kasih atas pengertian, doa, dan kasih sayang yang tidak berkesudahan. Kejayaan ini adalah hasil daripada sokongan dan dorongan yang diberikan.

Tidak lupa kepada kawan-kawan yang sentiasa memberikan semangat dan perkongsian idea, terima kasih kerana menjadi penggerak semangat dalam perjalanan kajian ini. Semua penglibatan dan bantuan dari semua pihak telah menjadikan kajian ini sebuah pencapaian yang bernilai. Segala jerih payah dan pengorbanan yang diberikan oleh semua pihak adalah satu titik tolak yang penting dalam mewarisi dan menyelamatkan sejarah lisan yang semakin dilupakan. Dengan ikhlas, kami menyatakan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara

langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian sejarah lisan ini. Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pemahaman kita tentang warisan budaya dan sejarah lisan masyarakat Orang Asli Kaum Semai di Malaysia.

## RUJUKAN

- Mohammad Aslam, M. M., & Abdullah, S. (2004). Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (world view): Satu analisis awal.
- Mohd Rasdi Saamah & Abu Hassan Abdul. (2014). Konsep dan Bentuk Metrologi Dalam Peribahasa Suku Kaum Semai di Lembah Jelai, Pahang: Concepts and Forms of Metrology in the Semai Tribe Proverbs at Lembah Jelai, Pahang. *PENDETA*, 5, 37-56.
- Nur Faaizah Md Adam & Mohd Sharifudin Yusop. (2020). Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 83-108.
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 21–44. [https://doi.org/10.37052/jm.14\(1\), no2](https://doi.org/10.37052/jm.14(1), no2).
- Mohd Firdaus Nordin & Zanisah Man. (2023). Perbicaraan Mengikut Undang-Undang Adat dalam Perkahwinan Komuniti Orang Asli Semai di Pos Bersih, Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002471.<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.247>
- Norhafizah Ahmad, Siti Marpuah, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari, Intan Farhana Saparudin, Nur Zainatul Nadra Zainol, Muhammad Masruri,... & Nik Kamal Wan Muhammed. (2022). KEPERCAYAAN, ADAT BUDAYA DAN AMALAN KEAGAMAAN ORANG ASLI KANAQ DI KOTA TINGGI, JOHOR. *Jurnal Kemanusiaan*, 26-32.